

11/09/2003

`Pemuda Pas usah ghairah'

reports on "Muktamar Pas 2003" by Misiah Taib; Veena Rusli
KUALA LUMPUR: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengingatkan Pemuda Pas supaya tidak terlalu ghairah memperkatakan soal politik Pas apabila berceramah atau menghadiri majlis ilmu bersama masyarakat.

Sebaliknya, beliau mahu mereka memberatkan soal keagamaan yang berkisar kepada Islam bagi membentuk pengisian lebih bermakna dan membolehkan rakyat memahami perbezaan sebenar di antara agama dengan politik.

"Dalam kita berceramah, jangan sebut sangat pasal Pas ni, sebut Islam banyak-banyak. Saya mahu Pemuda apabila berceramah, menulis, memberi usrah atau menyebarkan maklumat menerusi internet sebut Islam dulu.

"Pas hanya sebagai kenderaan untuk (penyebaran) Islam, sebut Pas sikit-sikit, sebut Islam banyak-banyak.

"Pemuda perlu terangkan beza antara agama dengan isme. Kita mahu rakyat dididik mengenai Islam sebenar, sosial dan politik secara Islam.

"Pemuda juga perlu terus belajar. jangan kedekut beli buku, guna internet. Jangan duduk dalam Pemuda Pas tetapi tak sebut pasal Islam," katanya berucap merasmikan Muktamar Pemuda Pas ke-44 di Markas Tarbiyyah Pas Pusat di Taman Melewar di sini, malam tadi.

Beliau juga mahu, Pemuda Pas menjadikan keimanan sebagai keluli yang memperkasakan tiang perjuangan mereka bagi menahan segala bentuk cabaran serta tekanan, termasuk godaan dalam bentuk tawaran wang ringgit dan jawatan.

Paling penting, tegas Nik Abdul Aziz, Pemuda perlu memiliki keyakinan dan kemampuan untuk berhujah secara ilmiah tanpa mengira keadaan yang dihadapi.

"Sebelum kita dilantik menjadi pemimpin, kalau boleh biarlah dalam keadaan orang nak pada kita, bukan sebab kita lobi, ambil duit atau memberi barangan.

"Pemimpin yang baik ialah mereka yang dimahukan masyarakat, jadi jangan paksa orang supaya mahukan kita (memegang jawatan)... itu cara Islam," katanya.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, turut menyifatkan Islam yang diamalkan Umno sebagai `Islam cetak rompak' manakala ahli Umno pula dilabel sebagai golongan tidak beriman.

"Ahli Umno yang beriman tidak akan terus menerus berada dalam parti itu, mereka akan masuk ke dalam Pas," katanya.

Sementara itu, Nik Aziz berkata soal siapa lebih popular antara beliau dengan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, tidak pernah berbangkit.

"Saya tidak bertanding merebut apa-apa jawatan (dalam pemilihan parti). Sepanjang hayat setakat ini, saya bertanding (jawatan parti) sekali saja dan saya menyesal sampai hari ini," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, yang menyifatkan Mursyidul Am Pas itu dan Abdul Hadi berterusan membuat pelbagai tuduhan untuk menunjukkan siapa yang lebih baik di antara mereka.